

31 MAY 2003

KLCI-MINGGUAN/I

NIAGA HADAPAN KLCI DIJANGKA KEKAL INGGI MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Kontrak hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) di Bursa Derivatif Malaysia (MDEX) berkemungkinan didagangkan dalam aliran yang lebih tinggi minggu depan setelah keyakinan pelabur kembali pulih.

Seorang penganalisis berkata meskipun kebimbangan mengenai wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan ketidak tentuan ekonomi global, Bank Negara Malaysia mengumumkan pertumbuhan yang positif dengan pertumbuhan 4.0 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar bagi suku pertama.

Beliau berkata satu lagi faktor pendorong ialah pakej ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Para pelabur berpuas hati dengan usaha kerajaan, dan ramai yang sebelum ini tidak memasuki pasaran menyertai semula pasaran." katanya.

Penganalisis itu berkata dagangan bagi minggu yang baru berakhir adalah aktif dengan penyertaan yang lebih besar sebagaimana yang dilihat dalam jumlah dagangan yang lebih tinggi dan kepentingan terbuka.

Bagi minggu yang baru berakhir, pasaran naik sejajar dengan kenaikan pasaran tunai.

Sentimen di pasaran tunai dibantu oleh peningkatan Wall Street dan berita korporat yang positif termasuk penyusunan semula organisasi.

Bagi asas Jumaat ke Jumaat, kontrak Mei naik 19.6 mata kepada 673.4 berbanding 653.80 sebelumnya manakala Jun meningkat 24.1 mata kepada 679.0 daripada 654.9.

Jumlah dagangan bagi minggu naik kepada 8,278 lot daripada 3,221 lot sebelumnya.

Bagi asas Jumaat ke Jumaat, pendasar Indeks Komposit (IK) di pasaran tunai mengakhiri minggu dengan 20.58 mata lebih tinggi pada 671.46, berbanding 650.88 pada minggu sebelumnya. -- BERNAMA

TNS MR NHD